

SANTAU DAN MASYARAKAT MELAYU: ANALISIS DARI PERSPEKTIF AKIDAH ISLAM¹

(Santau and Malay Society: An Analysis from the Perspective of Islamic Aqidah)

Mohd Nizam Sahad
nizamsahad@usm.my

Bahagian Pengajian Islam
Pusat Pengajian Sains Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia

Shuhairimi Abdullah
shuhairimi@unimap.edu.my

Pusat Teknologi Komunikasi Pembangunan Insan
Universiti Malaysia Perlis

Abstrak

Amalan santau telah dipraktikkan sejak zaman dahulu lagi. Sebahagian daripada amalan tersebut merupakan juzuk daripada ilmu sihir atau ilmu hitam yang pada asasnya dipelajari khusus untuk kepentingan diri dan keluarga. Namun begitu, amalan santau sudah berubah fungsinya disebabkan berlaku perubahan dalam realiti keilmuan, suasana dan cara pemikiran. Keadaan yang berlaku pada masa ini, ilmu santau yang dipelajari untuk merosakkan kehidupan dan menganiayai orang lain. Meskipun, amalan tersebut sudah berkurangan disebabkan kesedaran agama, namun masih lagi wujud dalam masyarakat Melayu. Makalah ini cuba memerihalkan santau dalam kalangan masyarakat Melayu. Kawasan Santan, Perlis dijadikan lokasi kajian kerana pernah menjadi tempat tumpuan ilmu dan pengamalannya. Di samping itu, tujuan kajian juga adalah untuk melihat perbahasan akidah terhadap santau ini menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah.

Kata kunci: santau, sihir, akidah, Perlis, masyarakat Melayu

Abstract

Santau has been a practice since long ago. Some of the practices derive from a kind of black magic that was learnt specifically for the benefit of the practitioner

and his family. However, the function of santau has altered due to some changes in attitude and in ways of thinking. Nowadays, santau is usually used to destroy and harm other people. Although its application has declined due to increased religious consciousness, it still continues to exist in the Malay community. Therefore, this article tries to describe santau as practiced in Malay society. The area of Santan in the state of Perlis was selected as the location for this research because it has been known to be a focal point for santau and its practitioners. In addition, the purpose of this study is also to examine the religious discussions concerning this practice and aqidah from the perspective of the Qur'an and sunnah.

Keywords: santau, black magic, aqidah, Perlis, Malay community

PENDAHULUAN

Umumnya, amalan santau telah diwarisi dan dipraktikkan sejak zaman dahulu lagi. Amalan ini dikaitkan dengan warisan kepercayaan orang Melayu dalam hubungannya dengan alam ghaib meliputi alam jin dan syaitan. Fenomena santau ini bukan sahaja diwarisi, malah praktiknya dilakukan oleh segelintir pihak tertentu dengan pelbagai tujuan melalui bomoh, pawang, dukun dan mereka yang arif mengenainya. Santau dilakukan dengan tujuan untuk memudaratkan mangsa atas pelbagai motif seperti dendam, khianat dan cemburu. Fenomena santau-menyantau dalam masyarakat ini, turut mendapat perhatian dan liputan media massa.

Dewan Masyarakat, pernah melaporkan berita mengenai “Santau sebagai Punca Pembunuhan”. Dalam satu laporan berita isu semasa, Syahmi Syahiran telah mengetengahkan isu santau yang dikaitkan sebagai punca pembunuhan Hasleza Ishak (26 tahun) isteri kedua kepada Raja di-hilir Perak, Datuk Seri Raja Jaafar Raja Muda Musa, yang ditemui mati pada 11 Oktober 2011. Siasatan awal kes tersebut membabitkan penahanan beberapa orang suspek, antara yang terlibat termasuklah bomoh, Rahim Ismail (46 tahun), dan pesawah yang juga seorang bomoh, iaitu Mat Saad Mat Isa (49 tahun). Tanda tanya mengenai motif pembunuhan Hasleza yang juga bekas model dan pelakon sambilan terjawab selepas pengakuan Mat Saad dalam keterangannya di mahkamah yang mengaku menculik Hasleza selepas Rahim memintanya mematikan “santau” yang ditunjukkan oleh mangsa (Hasleza) kepada Raja Nor Mahani (isteri pertama Raja Jaafar). Sebelum itu, dalam keterangan Mahkamah, Rahim memberitahu bahawa Raja Nor Mahani ada meminta bantuannya untuk memulihkan kembali hubungannya dengan Datuk Seri Raja Jaafar yang semakin renggang. Lantas Rahim mendapatkan khidmat Mat Saad seorang bomoh santau. Kata Rahim, kerja memulangkan dan mematikan santau hanya boleh dibuat oleh bomoh santau seperti Mat Saad. Bagi tujuan itu, Mat Saad menerima upah sebanyak RM5000 daripada Rahim (*Dewan Masyarakat*, Julai, 2011:38-39). Daripada kisah

di atas jelas memaparkan bahawa penggunaan santau melibatkan motif permusuhan yang berlaku sesama manusia.

Dalam media baharu seperti Youtube, blog rawatan Islam dan rawatan tradisional, fenomena santau ini turut menjadi perbincangan dan mendapat liputan yang cukup meluas. Melalui kajian dan penelitian terhadap laman web pusat rawatan Islam, hampir kesemuanya menawarkan rawatan dan penyembuhan untuk penyakit santau ini. Dengan bertambahnya bilangan pusat rawatan seumpama ini dibina menandakan betapa ramai yang memerlukan rawatan untuk penyakit disebabkan oleh santau.

Selain itu, terdapat beberapa kajian pada peringkat latihan ilmiah yang mengkaji tentang santau. Beberapa kajian tersebut termasuklah yang dijalankan oleh Noor Asyikin Abd Manan yang bertajuk “Amalan Santau di Kalangan Masyarakat Melayu: Kajian di Daerah Hulu Perak” di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, pada tahun 2010. Selain itu, terdapat kajian yang mengkaji tentang rawatan terhadap penyakit santau, iaitu “Rawatan dan Kaedah Pengubatan Santau: Kajian yang Dijalankan di Hutan Kampung, Alor Setar Kedah”. Kajian ini dilakukan oleh Ahmad Zabani Morad di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada tahun 2001. Satu lagi kajian mengenai santau ialah “Santau Suatu Amalan Magis Masyarakat Melayu: Tumpuan kepada Masyarakat Melayu di Beberapa Daerah di Terengganu” yang ditulis oleh Mohd. Nazar Ali di Jabatan Sosio-Budaya Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya tahun 2001. Selain latihan ilmiah di atas, terdapat beberapa buah buku yang ditulis mengenai santau, iaitu buku karangan Amran Kasimin yang bertajuk *Santau dan Kaedah Rawatan* dan *Santau: Sebagai Satu Cabang Ilmu Sihir*.

Berdasarkan fenomena di atas dan sedikit sorotan dan tinjauan terhadap kajian lalu jelas memaparkan bahawa amalan dan kejadian santau ini masih wujud dalam kalangan masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, makalah ini cuba memerihalkan fenomena santau dalam masyarakat Melayu. Kawasan Santan, Perlis dijadikan sebagai lokasi skop kajian kerana pernah dikatakan menjadi tempat tumpuan ilmu dan pengamalannya. Di samping itu, kajian juga akan turut mengkaji perbincangan akidah terhadap santau ini menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah selain mencadangkan beberapa kearifan tempatan dan faham serta peranan agama dalam menangani masalah santau.

SANTAU MENURUT AKIDAH ISLAM

Santau, terutamanya santau angin atau santau hikmat merupakan sebahagian daripada ilmu sihir. Santau jenis ini berlaku melalui medium dan perantaraan jin dan syaitan yang dipuja dan diminta untuk melakukannya. Menurut Amran Kasimin, santau merupakan sebahagian daripada sihir kerana melibatkan elemen meminta bantuan

iblis, syaitan dan jin kafir untuk melakukan kejahatan. Menurut beliau, sihir tidak akan berlaku kecuali dengan adanya penglibatan jin (1997:181).

Oleh sebab santau merupakan sebahagian daripada ilmu sihir, maka kupasan mengenai ilmu sihir akan dihuraikan terlebih dahulu sebagai kerangka konsep yang wajib difahami terlebih dahulu dalam melihat isu santau dalam kalangan masyarakat Melayu. Hakikatnya, ilmu sihir merupakan sesuatu yang wujud dan berlaku dalam sejarah manusia. Sihir wujud sebelum kedatangan dan perutusan nabi Muhammad SAW lagi. Malah dalam kisah sirah Nabawiyah diceritakan bagaimana Nabi Muhammad sendiri terkena sihir. Ibn Khaldun seorang tokoh ahli sosiologi yang mengkaji tentang masyarakat turut menengahkan perbincangan mengenai ilmu sihir ini dalam kitabnya, *al-Mukaddimah*.

SIHIR

Sihir menurut bahasa merupakan gambaran tentang sesuatu yang tersembunyi dan sangat halus sebab-sebabnya (Abdullah Yasin, 2003:2) (Ibnu Hajar, 1998:268). Pengertian dari segi istilah syarak pula dibahaskan oleh ramai tokoh. Ibn al-Qayyim menyatakan bahawa sihir ialah suatu pemujaan terhadap roh jahat dan mengharapkan kesaktian luar biasa daripadanya (As-Syeikh Wahid Abdul Salam Bali, 1995:16). Ibnu Khaldun menyifatkan sihir sebagai suatu ilmu yang berupaya memperlihat jiwa manusia melakukan sesuatu pengaruh terhadap dunia dengan bantuan unsur baik mahupun bantuan daripada benda ghaib (*Mukadimah*, 1995:692). Sungguh pun banyak pendapat diutarakan, sihir boleh disimpulkan sebagai persepakatan erat antara tukang sihir dengan syaitan yang mensyaratkan tukang sihir melakukan perbuatan haram dan syirik, di samping menyerahkan segala bentuk ketaatan kepadanya (syaitan) demi memperoleh bantuan yang dikehendaki (As-Syeikh Wahid Abdul Salam Bali, 1995:16).

SIHIR DAN SANTAUI DI ALAM MELAYU

Dalam konteks Tanah Melayu, ilmu sihir juga wujud dan kefahaman mengenai sihir dengan definisi yang dikemukakan oleh para pengkaji juga tidak ada bezanya. Di Alam Melayu, masyarakat Melayu percaya bahawa sihir tidak boleh berlaku kecuali dengan adanya penglibatan jin dan syaitan. Sihir merupakan tipu helah jin dan syaitan untuk menyesatkan manusia. Perkara ini seiring dengan agama dan dijelaskan dalam al-Quran bahawa iblis telah bersumpah kepada Allah SWT untuk menyesatkan mereka yang ada di muka bumi (al-A'raf:16, Al-Hijr:39) (Amran Kasimin, 1997:12).

Di Alam Melayu, penglibatan manusia dengan jin boleh terjadi sama ada dengan cara menuntut atau pun secara tidak sengaja seperti melalui warisan yang lazimnya dikenali sebagai “saka” (Amran Kasimin, 1997:12). Antara gelaran kepada mereka yang mengamalkan sihir ialah bomoh, dukun dan pawang. Gimlette (1915) misalnya memberi definisi bomoh sebagai seorang yang menyembuhkan dengan kuasa magis. (Haliza Mohd. Riji, 2005:31). Sungguhpun begitu, walau apa pun gelaran yang diberikan, perbuatan yang mereka lakukan tetap dikategorikan sebagai menggunakan elemen sihir. Di Alam Melayu antara sihir yang dikenal pasti ialah sihir pembenci atau pemisah, ilmu pengasih atau guna-guna, gangguan mental, pukau, pelalau dan santau (Amran Kasimin, 1997:122-86).

Santau pada hakikatnya merupakan salah satu daripada jujuk ilmu sihir. Menurut Haron Daud (2001:108), santau merupakan sejenis racun berhikmat yang berbisa, dihantar melalui kaedah sihir dengan menggunakan perantaraan jin. Santau boleh dihantar secara halus (melalui jin) dan kasar (tuannya pergi sendiri meletakkan racun di hadapan pemangsa). Menurut Amran Kasimin (1997:173), santau ialah racun, tetapi racunnya tidak ada kaitan dengan yang diproses di kilang seperti racun rumput atau pokok. Santau yang biasa difahami oleh masyarakat Melayu ialah santau yang diperbuat daripada bahan tertentu secara tradisional yang menyebabkan gatal atau miang, bisa dan pedih untuk menyakiti individu tertentu kerana tujuan tertentu. Hakikatnya, sebahagian daripada amalan santau merupakan jujuk daripada ilmu sihir atau ilmu hitam yang pada asasnya dipelajari khusus untuk kepentingan diri dan keluarga.

KAJIAN KES SANTAUI DI SANTAN, PERLIS

Santan merupakan sebuah Mukim kecil yang terletak di bahagian utara Malaysia di negeri Perlis. Dipercayai, nama tempat ini berasal daripada bahan asas dalam kebanyakan masakan di Malaysia, iaitu santan. Santan merupakan sejenis cecair yang didapati daripada kelapa. Menurut temu bual yang dilakukan dengan Profesor Madya Mohariff Syariff, meskipun sesetengah orang cuba mengaitkan nama tempat Santan di Perlis berasal daripada perkataan “santau”.

Berdasarkan maklumat temu bual yang diperolehi daripada pengamal perubatan tradisional di Perlis, tidak dinafikan bahawa amalan santau pernah berlaku di kawasan Santan pada era 1970-an dan 1980-an. Menurut seorang pengamal perubatan (nama dirahsiakan atas permintaan individu tersebut), pada era 1970-an dan 1980-an amalan santau begitu popular di kawasan tersebut dan juga di sekitar jalan ke Padang Besar. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, amalan santau dipraktikkan di premis kedai makan di kawasan tersebut. Sekiranya orang luar datang ke kawasan tersebut, mereka dinasihati supaya berhati-hati apabila singgah untuk mendapatkan makanan.

Oleh itu, berdasarkan amalan santau yang pernah berlaku di kawasan tersebut, maka secara tidak langsung masyarakat luar cuba mengaitkan nama tempat, iaitu Santan dengan santau. Meskipun, amalan santau pernah diamalkan di kawasan tersebut namun nama lokasi Santan tidak boleh dikaitkan secara langsung dengan nama santau. Barangkali secara kebetulan sahaja nama tempat tersebut dengan amalan santau yang pernah berlaku. Namun begitu, tidak ada bukti sejarah yang kukuh untuk mengaitkan nama Santan berasal daripada perkataan santau. Andaian tersebut berdasarkan cerita lisan orang terdahulu.

Dalam kalangan masyarakat Perlis, perubatan tradisional atau istilah yang lazim digunakan “perubatan kampung” mempunyai nilai yang tertentu. Secara umumnya, bentuk perubatan tradisional berasaskan penyediaan herba daripada tumbuh-tumbuhan dan penggunaan jampi serapah, mantera sama ada yang menggunakan ayat al-Quran dan petua orang tua-tua. Kaedah penyediaan dan penggunaan ubat tradisional diwarisi daripada generasi yang sebelumnya. Perubatan tradisional ini diwarisi secara lisan daripada seorang ayah kepada anak atau daripada seorang mahaguru kepada muridnya. Ada juga pengamal perubatan tradisional ini yang memperoleh ilmu perbomohan melalui mimpi. Setakat ini tiada dokumen yang komprehensif ataupun pembukuan ilmu perbomohan dalam kalangan pengamal perubatan tradisional.

Perubatan tradisional masih lagi mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat khususnya bagi merawat penyakit disebabkan oleh ilmu hitam. Contohnya, pesakit terkena santau, buatan orang dan ilmu sihir. Kebiasaannya pesakit yang terkena penyakit luar biasa ini dirujuk ke hospital dan di samping itu diikhtiarkan juga untuk dirawat cara kampung, iaitu dengan bantuan daripada bomoh. Kaedah rawatan yang biasa dilaksanakan oleh bomoh menggunakan jampi daripada ayat al-Quran dan ramuan herba berasaskan petua orang tua-tua. Malah sesetengahnya pula menggunakan jampi mantera untuk merawat sesuatu penyakit. Tempoh rawatan yang dijalankan bergantung pada tahap keseriusan pesakit tersebut. Kebiasaannya bagi penyakit yang kronik, bomoh akan merawat pesakit secara berperingkat-peringkat.

Secara umumnya, pada zaman dahulu masyarakat yang mengamalkan santau atau mempelajari santau untuk melindungi diri, keluarga dan harta daripada gangguan musuh. Namun begitu, apabila berlakunya perubahan masa, santau telah berubah fungsinya dan kebanyakannya digunakan untuk kepentingan diri dan menganiayai orang lain. Bahkan ada yang bersifat melampaui batas kemanusiaan sehingga sanggup mengambil keuntungan atas penderitaan orang lain (temu bual dengan seorang pengamal perubatan tradisional). Oleh sebab terpengaruh dengan sedikit habuan dunia, didapati segelintir daripada pengamal perubatan tradisional mengambil upah untuk menzalimi orang lain. Berdasarkan pengalaman yang dilalui oleh pengamal perubatan yang telah ditemu bual, mereka pernah didatangi oleh

individu yang menawarkan imbuhan yang tinggi sekiranya sanggup memenuhi permintaan jahat tersebut. Namun begitu, tidak semua pengamal perubatan yang bersikap mementingkan diri dan mengorbankan etika perubatan nenek moyang yang telah lama diwarisi.

Selain itu, antara punca berlakunya amalan santau secara berleluasa disebabkan oleh perasaan hasad dengki dalam diri individu. Akibat daripada hati yang dinodai dengan dendam kesumat atau iri hati dengan kejayaan orang lain, individu yang terlibat sanggup melakukan apa sahaja demi memenuhi tuntutan nafsu jahatnya. Perbuatan dengki dan balas dendam tersebut boleh dilakukan sama ada secara fizikal atau berbentuk spiritual dengan menggunakan magis, seperti santau dan lain-lain. Melalui ilmu santau, seseorang individu dapat melepaskan perasaan dendam kesumatnya terhadap orang yang dimusuhinya. Mangsa yang terkena ilmu tersebut sukar untuk disembuhkan sama ada melalui perubatan konvensional dan perubatan alternatif yang lain. Oleh sebab mangsa yang terkena santau sukar untuk dibuktikan secara saintifik, maka ilmu ini menjadi sebahagian daripada alternatif kepada sesetengah individu untuk menzalimi pihak lain.

Santau juga boleh berlaku disebabkan individu yang mempelajari ilmu tersebut berhasrat untuk menguji kekuatan batin seseorang. Kebiasaannya, seseorang pendatang baharu atau individu yang memiliki nama dan kedudukan serta pengamal ilmu perubatan tradisional akan diuji melalui ilmu santau. Terdapat juga individu yang cuba menguji ilmu santau yang dipelajarinya untuk melihat dari sudut keberkesanannya. Malah ada juga yang terpaksa membuang santau apabila sampai tempoh masa yang telah ditentukan. Jika santau disimpan, ilmu tersebut akan memakan tuannya dan mengorbankan ahli keluarganya. Dalam keadaan tersebut santau akan dilepaskan melalui kuku pengamal ilmu tersebut dan barangkali ada pihak lain yang menjadi mangsa perbuatan tersebut.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa amalan santau lahir sejak manusia berhadapan dengan makhluk ghaib yang terdapat di alam nyata ataupun alam ghaib yang menakutkan mereka (Haron Daud, 2001). Demi melindungi diri, keluarga dan harta, mereka mengamalkan pelbagai ilmu dunia termasuk ilmu santau yang berfungsi sebagai pakaian zahir untuk mempertahankan diri dan untuk dihormati pada mata masyarakat. Menurut pengamal perubatan yang ditemu bual (nama dirahsiakan atas permintaan individu tersebut), tidak ada takrifan yang khusus berkaitan ilmu santau. Santau lebih sinonim dengan perkataan racun sama ada yang dibuat menggunakan campuran bahan beracun ataupun dengan mendapat bantuan daripada makhluk halus.

JENIS SANTAU

Lazimnya, santau dikenali sebagai bahan beracun diberikan kepada mangsa yang bertujuan untuk memudaratkan individu yang terlibat. Pengamal perubatan tradisional juga tidak dapat membezakan antara santau dan racun. Bahkan kedua-duanya dianggap sama. Berasaskan kepada maklumat temu bual dengan pengamal perubatan tradisional ataupun dikenali dengan nama bomoh di Perlis, bahan dan adunan untuk menghasilkan santau adalah berbeza berdasarkan ilmu yang dipelajari daripada gurunya.

Amran Kasimin (1997:174-75) mengklasifikasikan santau kepada dua, iaitu santau hakikat dan santau hikmat. Beza antara kedua-duanya ialah santau hakikat tidak melibatkan pemujaan kepada jin sedangkan santau hikmat melibatkan pemujaan jin. Haron Daud juga membahagikan santau kepada dua jenis, iaitu santau fizikal dan santau angin. Santau fizikal pada kebiasaannya dibuat daripada miang buluh, ulat bulu, serbuk kaca dan sebagainya. Bahan tersebut diadunkan menjadi sebati dalam bentuk serbuk yang halus dan dibacakan mantra tertentu supaya lebih bisa dan mujarab sebelum diberi makan dan minum kepada mangsa. Santau angin pula ialah santau yang menggunakan bantuan makhluk halus dengan bacaan mantra tertentu dan ditujukan atau ditunjukkan kepada mangsa (2001:108).

Umumnya, santau dibahagikan kepada dua kaedah berdasarkan temu bual dengan pengamal perubatan tradisional dan berdasarkan kajian kepustakaan. Pertama, santau yang dikenali berdasarkan kaedah hakikat. Santau jenis ini diberikan kepada mangsa dengan mengadunkan bahan racun tersebut dan terus dikenakan kepada mangsa sama ada melalui minuman, makanan, sapuan atau calitan kepada mangsa. Sebagai contoh, racun santau disapu pada tempat duduk yang biasanya diduduki oleh mangsa. Dari sudut kekuatan bisanya pula bergantung pada ramuan yang diadunkan untuk menghasilkan racun tersebut. Mangsa yang terkena boleh menemui ajal namun bergantung pada tahap racun yang dihasilkan. Racun melalui kaedah ini mudah dibuang daripada badan pesakit. Santau yang dikenali sebagai hakikat ini bermaksud racun yang dihasilkan tanpa menggunakan kuasa makhluk halus.

Kedua, santau yang diadun dengan kaedah hikmat. Melalui proses ini, santau yang dihasilkan menggunakan bahan racun dan ilmu hikmat yang menggunakan bantuan makhluk ghaib. Santau ini dihantar kepada mangsa dengan menggunakan bantuan makhluk halus melalui pemujaan terhadap jin dan iblis. Santau ini merosakkan sistem pertahanan tubuh manusia. Mangsa yang terkena santau jenis ini sukar untuk diubati dan mengambil masa yang lama untuk pulih sepenuhnya. Santau hikmat atau turut dikenali sebagai santau seru atau santau angin yang menggunakan bantuan jin untuk mendapatkan kesaktian kepada bahan santau. Dalam hal ini, pemuja perlu menyediakan bahan sajian untuk jin yang diseru.

Menurut Husin Long (daripada temu bual), seorang pengamal perubatan tradisional secara sambilan memaklumkan bahawa pemujaan dengan sajian ini biasanya melibatkan jin kafir. Jin Islam sekadar diseru dengan salam dan mantera dan tidak perlu disaji.

Menurut Amran Kasimin, setelah ada tanda yang diyakini bahawa jin telah datang, orang yang melakukan sihir itu akan memuja jin tersebut untuk menghidupkan bahan santau. Di sini sekali lagi, jampi mantera dibaca untuk memasukkan hikmat dalam santau dengan bantuan jin. Santau yang dipuja dan telah menjadi disimpan dalam satu bekas yang biasanya dalam tabung buluh. Santau itu akan hidup dan penuh dalam bekasnya pada waktu tertentu. Bila telah tiba keadaan begini, santau itu sudah sampai masanya untuk dikenakan kepada mangsa. Salah satu bahaya santau ialah jika tidak dikenakan kepada mangsa, maka santau akan memakan tuan ataupun ahli keluarganya.

Santau ini boleh dihantar melalui cara menyeru jin supaya membawa bahan santau kepada mangsa atau dimasukkan ke dalam makanan atau minuman. Berdasarkan temu bual dengan Dr. Muhammad Azizan pula, racun santau boleh dihantar dari jauh dengan memuja santau, atau menyeru jin santau pergi membawa racun kepada mangsa. Jin santau yang ditugaskan tersebut akan turut masuk ke dalam badan mangsa untuk menjaga racun santau yang berada di dalam badan mangsa.

PENYEDIAAN SANTAU

Daripada temu bual dengan responden, terdapat pelbagai jenis bahan yang digunakan untuk menyediakan santau hakikat atau santau fizikal ini. Kebiasaannya bahan yang tidak boleh dihadam dan kotor digunakan. Sebagai contoh, gigi manusia, gading, rambut, selut, tanah, kaca, kuku, paku, bulu, ulat bulu, cicak (boleh dibuat sebagai racun) dan miang buluh. Terdapat tiga bahan utama yang diadun dalam ramuan santau. Pertama, bahan yang terdiri daripada unsur-unsur bisa. Sebagai contoh bisa yang diperoleh daripada haiwan berbisa, seperti lipan bara, ular senduk, ular kapak, katak bertanduk, ubur-ubur dan sebagainya. Kedua, bahan-bahan yang terdiri daripada unsur gatal dan miang. Antaranya, seperti ulat bulu mati beragan dan segala benda yang miang seperti buluh, keladi dan sebagainya. Ketiga, unsur yang terdiri daripada bahan pedih, contohnya, kuku manusia dan haiwan, binatang yang telah mati, benang sutera, kawad besi, kaca, rambut dan sebagainya. Bagi melengkapkan ramuan racun tersebut, ketiga-tiga bahan utama diadun secara bersama ditumbuk sehingga lumat dan ditapis. Kemudian bahan tersebut diperam dalam tempoh yang lama untuk menghasilkan bisa yang kuat. Bahan tersebut diperam selama 40 hari supaya sehati. Lebih lama bahan tersebut diperamkan adalah lebih baik, lebih bisa yang dianggap sebagai “cukup masak”.

Semua bahan yang diproses tersebut dikenali sebagai santau atau racun yang bersifat hakikat. Ramuan santau diadun menjadi racun dan dihantar sama ada melalui makanan, minuman atau calitan.

Bahan yang disediakan untuk membuat santau melalui kaedah hikmat pula berbeza berdasarkan kepada ilmu yang dipelajari. Barangkali kuantiti bahan beracun yang diadun untuk menghasilkan racun tidak banyak sepertimana yang dilakukan seperti santau yang bersifat hakikat. Namun begitu, kekuatan santau atau racun yang dihasilkan melalui kaedah hikmat lebih berbisa daripada santau hakikat. Hal ini disebabkan melalui penyertaan pemujaan jin dan iblis yang menambahkan bisa dalam bahan tersebut.

Pandangan Amran Kasimin (1997:174) tentang hal ini perkara ini: proses penyediaan santau tidak dapat dielakkan dari menggunakan bantuan jin Langkah pertama yang dilakukan ialah dengan menyediakan bahan campuran yang berbisa, gatal dan pedih. Sebagai contoh, kaca terutamanya mentol lampu, rambut, kuku manusia, kulit lipan dikeringkan dan ditumbuk atau digiling, tetapi tidak terlalu lumat yang kemudiannya dicampurkan dengan bahan lain. Dengan bantuan makhluk halus dengan bacaan mantera tertentu dan ditiupkan atau ditujukan kepada mangsa (2001:108).

Antara jampi mantera yang biasa digunakan untuk menghasilkan racun santau hikmat seperti yang berikut:

...

Hantu Raya jembalang kuning
Merupa engkau datang kepadaku
Jangan engkau langgar perintahku
Jika engkau ingkar juga Aku panah engkau
Dengan panah berpanah
Panah Sakti
Panah Rajuna

...

(Temu bual dengan seorang pengamal perubatan tradisional, nama dirahsiakan atas permintaan)

KESAN SANTAU KEPADA MANGSA

Kekuatan santau bergantung pada bahan yang diadun dan juga hikmat yang digunakan. Kesan daripada santau tidak semestinya seseorang itu batuk, muntah darah, sakit, gatal, miang atau bisa. Santau juga boleh menyebabkan mangsa menjadi bodoh, tidak boleh tidur malam, seringkali didatangi mimpi buruk dan kemuncaknya menyebabkan mangsa trauma dan menjadi gila. Menurut bomoh yang ditemu bual, antara bahan yang biasa digunakan untuk menjadikan mangsa gila, iaitu tanah di tempat pemujaan iblis dilakukan dan tanah yang diambil pada tempat yang dikatakan berpenunggu. Untuk menjadikan mangsa kelihatan bodoh dan malu untuk berhadapan dengan orang, bahan diambil daripada binatang yang bersifat bodoh dan malu digunakan dalam adunan santau, seperti uri kucing, hati kura-kura, belangkas jantan dan betina dan sebagainya. Bahan yang diperolehi tersebut dicampurkan dengan benda yang memusing di tengah-tengah air seperti daun, kayu atau binatang yang mati. Selain itu, bagi menjadikan mangsa tidak tidur malam bahan seperti biji mata kelawar atau biji mata burung tukang dicampurkan dalam bahan santau. Akibatnya, mangsa yang terkena santau akan menderita dan menemui ajal jika tidak dirawat dengan sempurna.

Menurut Haron Daud, kesan santau bergantung pada jenis santau dan kemahiran orang yang mempraktikkannya. Bagi peringkat ringan atau sekadar memberi peringatan, mangsa mungkin sakit beberapa ketika kemudian sembuh, manakala bagi peringkat berat santau boleh membawa maut (2001:108).

Menurut Amran Kasimin pula (1997:177), kesan santau bergantung pada kekuatan dan keberkesanan adunan bahan yang digunakan. Sekiranya bahan yang melukakan itu kuat, boleh menyebabkan muntah darah sebaik memakan makanan yang ada bahan santau. Jika bahan tersebut tidak mengganggu organ penghadaman, bahan tadi akan habis hilang begitu sahaja apabila menjadi najis.

Menurut Muhammad Azizan pula, kesan santau amat bahaya dan jika tidak dirawat boleh membawa maut kerana racun santau boleh memusnahkan saraf manusia. Mangsa yang terkena racun santau akan muntah darah hidup, iaitu darah segar yang diperlukan dalam badan dan mengakitkannya kurang darah. Doktor perubatan moden lazimnya tidak dapat mengesan penyakit seumpama ini. Lidah dan bibir bertukar menjadi warna hitam, kuku berwarna biru, muka pucat dan mata berwarna kuning.

Antara tanda yang boleh dikenal pasti sebelum terkena santau ialah jika amalan seseorang itu dengan Allah baik dan dijaga seperti beliau seorang yang menjaga solat lima waktu, maka akan tergerak hatinya sebelum terkena racun santau, atau tergerak hatinya bahawa ada musuh yang cuba menyantaunya. Sebagai contoh, perasaannya yang terasa ada sesuatu yang tidak kena, makanan atau minuman terasa lain sehingga

tidak berselera untuk makan dan boleh jadi pinggan dan gelas jatuh atau pecah. Dari sudut tanda yang lain, minuman yang mempunyai racun biasanya panas di atas dan sejuk di bawah dan sebaliknya. (Temu bual Dr Muhammad Azizan).

Menurut Amran Kasimin (1997:177), antara tanda awal yang sering terjadi apabila seseorang itu terkena santau ialah rasa perit dan gatal pada tekak dan batuk kering, yang berserta pening dan demam. Mangsa juga mungkin berasa lesu. Pesakit kadang-kadang berasa seolah-olah ada bau busuk yang keluar dari saluran tekak. Hal ini terjadi akibat luka yang telah menanah dari mana-mana organ dalaman. Ketika ini pesakit akan berasa lenguh sendi, terutamanya di bahagian lutut. Mangsa juga mungkin berasa sakit pinggang yang mungkin berpunca dari serangan kuman pada buah pinggang. Pada tahap ini, selera makan mangsa berkurangan dan mengakibatkan mangsa menjadi pucat, letih dan lemah. Kesan santau juga dapat mengubah sikap mangsa menjadi pemaarah dan panas baran. Santau juga merosakkan organ dalam badan.

RAWATAN UNTUK MANGSA YANG DISANTAU

Santau yang kena pada mangsa perlu dirawat. Antara kaedah rawatan yang digunakan ialah dengan rawatan Islam yang banyak menggunakan ayat al-Quran dan doa yang dibaca dan ditiup ke dalam air bagi tujuan diminum dan dimandikan pesakit. Menurut Amran Kasimin (1997:186), santau perlu dirawat oleh mereka yang benar-benar arif. Selain itu juga, pesakit santau perlu diajar untuk memperkuat roh. Kekuatan roh merupakan kekuatan dalaman yang ampuh dan berupaya menghadapi serangan iblis dan syaitan dengan peliharaan dan rahmat Allah. Jika pesakit tidak berkemampuan kerana tidak tahu membaca doa dan ayat al-Quran, waris hendaklah membantunya.

Haron Din dan Mokhtar Kassan (2013) telah menulis buku yang khusus untuk merawat santau yang berjudul *Kaedah Merawat Santau*. Antara cara yang dinyatakan dan diketengahkan sebagai kelaziman merawat santau adalah dengan doa dan ayat al-Quran, kaedah memuntahkan dan kaedah tepuk daun nangka. Melalui kaedah rawatan muntah, pesakit diberi minum air kelapa, air tanah liat atau tumbuhan beracun supaya mangsa termuntah dan terkeluar daripada badannya bahan santau. Proses ini diulangi beberapa kali sehingga bahan santau keluar sama ada melalui muntah atau cirit birit. Bahan santau dalam badan perlu dibersihkan sama sekali kerana sisanya dapat kembali menyerang mangsa. Antara rawatan unik yang diketengahkan dalam buku beliau ialah rawatan melalui kaedah tepuk daun nangka. Kaedah ini dinamakan sedemikian kerana rawatan terhadap pesakit santau adalah dengan menggunakan daun nangka yang ditepuk perlahan-lahan ke badan pesakit. Sekiranya terdapat bahan santau dalam badan pesakit, racunnya akan keluar melalui liang roma. Kaedah ini dilihat begitu sistematik dengan mengabungkan

kaedah ruqyah atau jampi menggunakan doa dan ayat al-Quran serta penggunaan herba tertentu untuk memulihkan kekuatan dan tenaga badan pesakit.

Pesakit yang terkena santau sukar untuk dikesan tanda penyakit melalui kaedah perubatan moden. Menurut pengamal perubatan tradisional (Syarhan Syafie, 2004), kebiasaannya mangsa yang terkena santau akan menderita serta merta seperti muntah darah. Kesan santau mengambil masa yang panjang dan tidak disedari sehinggalah mangsa tersalah makan seperti limau nipis dan nanas. Makanan seperti limau nipis dan nanas sangat sensitif kepada mangsa santau. Umumnya dalam merawat santau, bomoh akan meminta kepada mangsa santau menyediakan peralatan, seperti, dua helai sejadah, tujuh botol air diambil dari kolam masjid, dua puluh lapan biji limau purut, dua puluh satu biji limau nipis, pisau, pen dan kertas. Selain peralatan tersebut, bomoh juga akan menjampi mangsa tersebut dengan beberapa potong ayat al-Quran.

Terdapat juga dalam kalangan bomoh menggunakan mantera dalam merawat mangsa santau, bacaan mantera adalah seperti yang berikut:

“Aku tahu asalmu racun, asal malikal, malikul putih, ..., tawar sekalian wujud, tawar sekalian bisa, tawar sekalian alam, berkat LailahaiIAllah, Muhammadur Rasulullah”.

(Temu bual dengan seorang pengamal perubatan tradisional, nama dirahsiakan atas permintaan)

Dalam merawat pesakit yang diganggu oleh makhluk halus, antara mantera yang diamalkan oleh bomoh seperti berikut:

“Hai jin pelik aku tahu asal engkau mula menjadi selayang angina nama bapa engkau, selayang bumi nama ibu engkau, aku tahu asal engkau mula menjadi saudara yang empat,, aku ubah nyawa engkau, pusat Tasik Pauh Janggi, di sana tempat engkau, aku sumpah dengan derhaka pada Allah, derhakalah engkau pada aku, berkat doa LailahaiIAllah.”

(Temu bual dengan seorang pengamal perubatan tradisional, nama dirahsiakan atas permintaan)

“Hak si patung sumanita, Muhammad serta dengan Allah, hei hantu, aku suruhlah engkau dari pesakit, aku halau engkau dengan daun pinang yang aku pegang, bukan aku pukul orang sakit, aku pukul yang penyakit, hei hantu atau polong!....., dengan berkat LailahaiIAllah, Muhammadur Rasulullah”.

(Temubual dengan seorang pengamal perubatan tradisional, nama dirahsiakan atas permintaan)

KAEDAH MENGELAKKAN DIRI DARIPADA TERKENA SANTAU

Sementara itu, berdasarkan kajian lapangan pengkaji terdapat beberapa kaedah untuk mengelakkan diri dari terkena santau menurut perawat Islam berdasarkan kearifan mereka dan pengalaman mengubati penyakit. Kaedahnya adalah seperti yang berikut:

Rawatan Penyakit Santau oleh Perawat Islam

1. Kaedah pertama yang melibatkan cara minum sesuatu minuman, iaitu dengan meletakkan jari keliling di bawah gelas dan ibu jari di atas dengan merasa adakah terdapat perbezaan suhu di atas dan di bawah? Jika ada besar kemungkinan ada unsur santau padanya.

(Temu bual Munir Abdullah)

2. Ketika makan pula hendaklah pada awalnya menggunakan tiga jari sebagaimana sunnah Nabi SAW dan merasa apakah makanan itu terlalu sejuk? Jika begitu barangkali terdapat unsur santau di dalamnya dan hendaklah dielakkan memakan makanan tersebut.

(Temu bual Munir Abdullah)

3. Membaca Surah al-Quraisy sebelum makan atau mengikut jumlah hidangan makanan. Contohnya, kalau dihidang nasi, sayur dan ikan, maka bacalah sebanyak tiga kali. Ayat daripada surah al-Quraisy bermaksud menghilangkan kita daripada rasa lapar dan mengamankan kita daripada ketakutan. Apabila membaca surah tersebut dan berdoa kepada Allah, Allah akan mengamankan kita daripada ketakutan bahaya sihir.

(Temu bual Muhammad Azizan Sabjan)

4. Pusing pinggan atau kacau air dalam gelas arah berlawanan dengan arah gerakan jam. Kacau minuman sampai sebatu atau mesra dan kalau ada ais, biarlah sampai ais cair untuk mengesan suhu sebenar minuman tersebut. Niat pada Allah, sekiranya terdapat benda yang tidak elok dalam makanan atau minuman, biarlah rasanya tawar.

(Temu bual Muhammad Azizan Sabjan)

Menangani Sihir Mengikut Syariat Islam

Santau merupakan sihir yang melibatkan makhluk halus jin dan syaitan yang hakikat kewujudannya diperakui syarak. Bagi menangani kejahatannya syariat Islam mengajarkan manusia beberapa cara dan kaedah menanganinya seperti yang berikut:

1. Oleh Abu Bakar Jabir al-Jazairi (t.t:183), memohon Perlindungan Allah sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Fussilat ayat 36,

Bermaksud: “Dan jika Engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari Syaitan, maka hendaklah Engkau meminta perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui.”

2. Sabda Nabi Muhammad SAW dalam Sahih Bukhari dan Muslim yang bermaksud:

(a) “Bahawa sesungguhnya aku mengetahui kalimah yang sekiranya diucapkan maka larilah syaitan daripada manusia: ‘A’uzubillah....”

(b) Membaca Mu‘awizatain, iaitu surah al-Falaq dan al-Nas. Disebut hal ini dalam hadis riwayat Nasai dengan sanad yang hasan yang bermaksud,

“Wahai Ibn Abbas, mahukah aku tunjukkan cara berlindung yang baik dari mereka yang mohon perlindungan? Ia Berkata: Sudah tentu Wahai Rasulullah. Sabda Nabi: Qul a’uzubirabbil falak dan Qul a’zubirabbinas.”

(c) Membaca ayat kursi iaitu ayat 255 Surah al-Baqarah. Perkara ini berdasarkan satu hadis dari Abi Hurairah dalam Sahih Muslim, tatkala beliau berjumpa dengan syaitan yang terikat dan meminta supaya dilepaskan, maka berkata syaitan kepadanya: “Lepaskan aku dan aku akan ajar kepadamu satu ayat yang tidak dibacanya seseorang melainkan tidak didekati syaitan padanya.” Hal ini telah diperakukan oleh Rasulullah SAW: “Benarlah engkau dan dia adalah penipu.

(d) Membaca surah al-Baqarah dengan lengkap sebagaimana riwayat muslim, “Jangan kamu jadikan rumah kamu kuburan. Sesungguhnya syaitan akan lari dari rumah yang dibaca di dalamnya surah al-Baqarah.”

(e) Berwuduk ketika marah. Abu Daud meriwayatkan satu hadis:

“Sesungguhnya marah itu daripada syaitan, dan sesungguhnya syaitan itu daripada api, api itu terpadam dengan air, oleh itu jika seseorang itu marah maka hendaklah ia berwuduk.”

- (f) Makan tujuh biji kurma Ajwa (kurma yang berasal dari al-Madinah al-Munawwarah) pada waktu pagi, jika tidak dapat kurma Ajwa, kurma yang mana pun tidak mengapa sabda Nabi SAW “Siapa yang berpagi memakan tujuh biji kurma Ajwa maka pada hari tersebut racun dan sihir tidak akan memudaratkannya.” (Hadis riwayat Bukhari).
- (g) Melazimi solat berjamaah. Seorang muslim yang sentiasa melazimi solat berjamaah akan aman daripada gangguan dan dipengaruhi oleh syaitan, kerana apabila syaitan telah mempengaruhi diri seseorang maka amal sihir dan hal yang seumpamanya mudah dikesankan padanya lantaran itu Nabi SAW pernah mengingatkan dalam sebuah hadis tentang kepentingan solat berjamaah.

“Apabila tiga orang yang berada di suatu kampung atau suatu kawasan mereka tidak mendirikan solat berjamaah maka syaitan akan mempengaruhi mereka. Hendaklah kamu berjamaah kerana sesungguhnya serigala akan memakan kambing yang bersendirian.” (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

- (h) Membaca zikir dan doa. Membaca zikir berikut ini sebanyak 100 kali setelah solat subuh.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ حُدَّه لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

“Tidak ada tuhan yang berhak disembah, melainkan Allah Yang Maha Esa. Tidak ada sekutu bagi-Nya, milik-Nya semua kerajaan dan untuk-Nya segala pujian, dan Dialah yang Mahakuasa atas segala sesuatu.”

Dalam hadis yang Sahih riwayat Bukhari dan Muslim Nabi SAW menerangkan tentang kelebihanannya

“Siapa yang membacanya maka adalah baginya pahala sama dengan memerdekakan sepuluh orang hamba, dituliskan baginya seratus kebajikan, dihapuskan daripadanya seratus kesalahan, dan pada hari itu dia dijaga daripada (gangguan) syaitan hingga petang, dan tidak ada

orang yang lebih baik daripadanya melainkan orang yang mengamalkan lebih banyak daripadanya.”

- (i) Membaca doa berikut ini ketika masuk masjid

أَعُوذُ بِاللَّهِ الْعَظِيمِ وَبِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ وَسُلْطَانِهِ الْقَدِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

“Aku berlindung dengan Allah Yang Maha Agung, yang memiliki Wajah Yang Mulia, kerajaan yang sediakala, daripada syaitan yang terkutuk.”

Sebagaimana dalam sebuah hadis yang sahih menyatakan “Barang siapa yang membaca doa yang demikian, syaitan pun berkata, “dia sudah terpelihara daripada (gangguan) aku sepanjang hari.” (Hadis riwayat Abu daud)

- (j) Ketika keluar dari rumah bacalah doa ini

بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ لَاحَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Dengan nama Allah, aku serahkan diriku kepada Allah tidak ada daya dan upaya kecuali dengan izin Allah.»

Apabila doa ini dibaca syaitan akan berkata kepada pembaca doa itu “Engkau dicukupkan, dipelihara, diberi hidayah dan syaitan akan jauh darimu,” lalu syaitan itu berkata kepada syaitan yang lain, “Engkau tidak dapat berbuat apa-apa terhadap orang yang telah diberi hidayah dicukupkan, dan dipelihara.” Hadis riwayat Abu Daud dan Tirmizi)

- (k) Baca doa berikut pagi dan petang sebanyak 3 kali

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Dengan nama Allah yang tidak suatu mudharat pun dilangit maupun di bumi melainkan dengan izin-Nya, Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.” Doa ini tersebut dalam hadis riwayat Tirmizi.

- (l) Dan satu doa lagi dalam hadis riwayat Muslim juga dibaca waktu pagi dan petang, iaitu:

Aku berlindung dengan kalimat-kalimat Allah yang sempurna daripada kejahatan makhluk.

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

Pada hakikatnya terdapat kaedah syarak dalam menangani gejala santau dalam masyarakat Melayu. Pergantungan kepada Allah, keikhlasan dalam beramal dan mengamalkan doa dan zikir tertentu mampu menjauhkan manusia daripada bahaya sihir santau dengan izin Allah.

HUKUM MELAKUKAN SANTAU

Berdasarkan keterangan tersebut jelas bahawa hukum melakukan santau dengan tujuan memudaratkan mangsa adalah haram. Apatah lagi santau mempunyai hubungan dengan amalan sihir yang jelas tergolong dalam dosa besar di sisi ajaran Islam. Walaupun pada suatu ketika ilmu santau dipelajari untuk melindungi diri daripada musuh, namun realiti yang berlaku pada masa kini, ilmu santau yang dipelajari tersebut sudah berubah fungsinya, iaitu untuk merosakkan kehidupan dan menganiayai orang lain. Meskipun, amalan tersebut sudah berkurangan disebabkan kesedaran tentang faham agama, namun masih lagi wujud dalam masyarakat Melayu, khususnya bagi mereka yang tipis iman dan cetek pengetahuan akan hakikat beragama tauhid yang sebenar. Mereka yang melakukan perbuatan santau secara jelas telah terlibat dengan dosa besar kerana melakukan sihir dan telah bersekongkol dengan jin dan syaitan dalam hal keburukan dan mensyirikkan Allah.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, santau merupakan amalan sihir yang bertujuan untuk memudaratkan mangsa. Santau dilakukan dengan perantaraan dan bantuan jin. Sifat dan kesan santau pula menunjukkan kejahatan dan kesyirikan yang nyata dan bertentangan dengan akidah Islam. Oleh sebab itu santau diharamkan dalam Islam.

Dari sudut amalannya di Santan, Perlis, santau memang popular satu ketika dahulu. Walau bagaimanapun, keadaan tersebut berbeza pada masa ini. Amalan santau masih lagi ada dan dalam pengetahuan pengamal perubatan tradisional, meskipun sekadar pengetahuan untuk membantu dalam proses rawatan. Lazimnya, individu yang berhajat kepada santau akan berjumpa dengan bomoh Siam yang berada di sekitar kawasan Perlis. Kebanyakan pengamal perubatan yang ditemui mahir dalam proses rawatan dan sukar untuk berkongsi tentang ilmu santau yang dianggap sebagai senjata sulit yang berbahaya dan menyalahi tuntutan agama. Santau masih lagi dianggap sebagai ilmu hitam yang berkesan untuk mengenakan mangsa dan diamalkan segelintir orang Melayu di Perlis.

Islam telah menunjukkan cara untuk menangani santau dan berlindung daripada menjadi mangsa santau. Cara ini amatlah dianjurkan dalam hal kehidupan beragama berbanding meminta bantuan daripada perawat atau bomoh yang turut menggunakan kaedah santau yang mensyirikkan Allah.

NOTA

1. Makalah ini adalah sebahagian dari kajian cuti sabbatical penulis dan sebahagiannya pernah dibentangkan di Persidangan Dwitahunan Universiti Sains Malaysia – Universiti Andalas, di Universiti Andalas, Padang, Sumatera Barat, Indonesia pada 26 Oktober 2011. Penulis merakamkan Penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia atas pembiayaan kajian cuti sabbatical.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeh dan Muhammad Noor bin Haji Ibrahim, 1980. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Ugama.
- Abdullah Yasin, 2003. *Aqidah Ahl Al Sunnah Wal Al Jama'ah Jilid II*. Kuala Lumpur: Al-Furqan Enterprise.
- Abu Bakar Jabir al-Jazairi, t.t. *Aqidah al-Mukmin*. t.t. p: Maktabah al-Taufiqiyyah.
- Abu Daud Sulayman ibn al-Ash 'ath al-Sijistani, 1950. *Sunah Abi Daud*. Kaherah: al-Maktabah al-Tijariyah al-Kubra.
- Ahmad Zabani Morad, 2001. "Rawatan dan Kaedah Pengubatan Santau: Kajian yang Dijalankan di Hutan Kampung, Alor Setar Kedah". Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
- Al-Asqalani, Ibn Hajar, 1998M/1419H. *Fath al-Bari bi Syarah Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Hadith
- Al-Sabiq, Sayid, 2000M/1420H. *Al- 'Aqa 'id al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Fath li 'Alam al-'Arabi.
- Amran Kasimin, 1995. *Santau dan Kaedah Rawatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amran Kasimin, 1995. *Santau: sebagai Satu Cabang Ilmu Sihir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- As-Syeikh Wahid Abdul Salam Bali, 1995. *Senjata Tajam untuk Menangkis Sihir dan Ilmu Hitam*. Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas.
- Bukhari, Muhammad ibn Ismail, t.t. *Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah al- 'Arabiyyah, Matba'ah Muhammad 'Ali Sahih wa Awladih.
- Ibn Khaldun, 1995. *Mukadimah*. Terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Daud, 2001. *Mantera Melayu Analisis Pemikiran*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Haron Din dan Mokhtar Kassan, 2013. *Kaedah Rawatan Santau*. Selangor : PTS Islamika
- Mohd. Nazar Ali, 2001. "Santau Suatu Amalan Magis Masyarakat Melayu: Tumpuan kepada Masyarakat Melayu di Beberapa Daerah di Terengganu". Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Jabatan Sosio-Budaya Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- Muslim ibn Hajjaj al-Qushayri, t.t. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Kaherah: al-Matba‘ah al-Misriyah.
- Noor Asyikin Abd Manan, 2010. “*Amalan santau di kalangan masyarakat Melayu: Kajian di Daerah Hulu Perak*”. Latihan Ilmiah yang tidak diterbitkan. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Temu bual bersama Dr Muhammad Azizan Sabjan pada 17 Oktober 2011 di pejabatnya di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Temu bual bersama Encik Mohd Munir Abdullah pada 18 Oktober 2011 di Darul Hidayah Permatang Tok Gelam, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.
- Temu bual dengan PM Mohariff Syarif pada 21 September 2011 di pejabatnya Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Perlis.
- Temu bual dengan Husin bin Long pada 15 September 2013 di kediamannya di 128 Harlesden Road, NW10 2BB, London, United Kingdom.
- Tirmidhi, Muhammad ibn ‘Isa, 1976. *Al-Jami ‘al-Sahih: wa huwa Sunan al-Tirmidhi*. Kaherah: Matba ‘at Mustafa al-Babi al-Halabi.